

25 JUN 2002

Sukan-Takraw (Terbuka Kelantan)

TERBUKA KELANTAN GUNA BOLA GAJAH EMAS

KOTA BAHARU, 25 Jun (Bernama) -- Bola buatan negara -- Gajah Emas -- akan digunakan sebagai bola rasmi pada Kejohanan Sepak Takraw Perilly's Grand Prix Kebangsaan Terbuka Kelantan selama empat hari bermula 4 Julai.

Naib Presiden Satu Gabungan Sepak Takraw Kelantan (Gastak), Tengku Adnan Tengku Burhanuddin berkata keputusan untuk menggunakan bola itu adalah muktamad dan semua pasukan akan dimaklumkan mengenainya secepat mungkin.

"Inilah masanya, apabila bermain di negara sendiri, untuk bola Gajah Emas digunakan dan kita tidak mahu ia menjadi kontroversi seperti semasa Kejohanan Piala Emas Khir Johari yang lepas," katanya.

Pada Kejohanan Piala Emas Khir Johari itu, pada mulanya urusetia Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) mahu menggunakan bola buatan negara jiran "Marathon" tetapi atas arahan pihak tertinggi di PSM ia ditukar kepada Gajah Emas.

Semalam, Penyelaras Jawatankuasa Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata terpulang kepada urusetia di Terbuka Kelantan untuk menentukan jenama bola yang akan digunakan.

Sementara itu, Gastak optimis pasukan tuan rumah itu akan melangkah ke perlawanan akhir walaupun berada dalam Kumpulan B yang disifatkan sebagai "kumpulan maut" bersama-sama Kuala Lumpur, Johor, Terengganu, Angkatan Tentera Malaysia, Pulau Pinang dan Melaka.

"Apa yang melegakan kami apabila tekong kuda kebangsaan, Normanizam Ismail akan mewakili Kelantan pada kejohanan ini," katanya.

Beliau juga menyambut baik penggunaan format baru "double knockout" dan "sudden death" yang diperkenalkan pada Terbuka Kelantan kali ini kerana ia akan menjadikan pertandingan lebih cepat dan menarik.

Johan pada Terbuka Kelantan akan menerima RM5,000, naib johan RM3,000 dan dua pasukan di tempat ketiga RM1,300 setiap pasukan.

-- BERNAMA

ZI NMO